



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ BIL. 3 /2025

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengaroh Insolvensi Bahagian
Pengaroh Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

GARIS PANDUAN BERHUBUNG TATACARA PENETAPAN BAYARAN
ANSURAN BULANAN

TUJUAN

1. Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada Cawangan mengenai penetapan bayaran ansuran bulanan bankrap agar seragam di semua cawangan dan sekaligus dapat melicinkan pentadbiran kes kebangkrutan.

LATAR BELAKANG

2. Garis Panduan ini hendaklah digunapakai oleh semua cawangan bagi melancarkan urusan pentadbiran kes kebangkrutan yang masih aktif.
3. Garis panduan ini dikeluarkan kerana terdapat keperluan untuk penetapan bayaran ansuran bulanan agar bersesuaian dengan perubahan dan keperluan

semasa memandangkan arahan yang digunapakai sekarang telah lama iaitu sejak tahun 2011.

DEFINISI DAN TAFSIRAN

4. Bagi tujuan arahan ini –

- 4.1 “Cawangan” bermaksud semua Cawangan Mdl;
- 4.2 “Ibu Pejabat” bermaksud Bahagian Kebankrapan;
- 4.3 “Pegawai Insolvensi” bermaksud pegawai insolvensi (PI) yang mengendalikan kes-kes kebangkrapan di Cawangan; dan
- 4.4 “Pengarah Insolvensi Negeri” bermaksud Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) atau Ketua Cawangan (KC).

PENETAPAN BAYARAN ANSURAN BULANAN

5. Lanjutan dari Mesyuarat Pengarah Insolvensi Negeri Bil. 1/2024 telah bersetuju agar Bahagian ini mengkaji dan menyemak semula perkara-perkara berikut selaras dengan keperluan semasa pentadbiran kebangkrapan yang lebih efisien dan sistematik:

- 5.1 Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil. 4/2011 Pemantauan Ke Atas Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Enam (6) Bulan Dan Penetapan Jumlah Ansuran Bulanan
- 5.2 Penetapan bayaran ansuran bulanan oleh bankrap dengan jumlah minimum sebanyak 10% daripada pendapatan bulanan kasar.

6. Pada masa ini semua cawangan membuat penetapan bayaran bulanan dengan berdasarkan kepada Arahan Kebankrapan Bil. 4/2011 di mana dalam perenggan 5(iii) arahan tersebut, cawangan telah diarahkan untuk menetapkan kadar bayaran ansuran bulanan sekurang-kurangnya RM100.00 sebulan atau 10% daripada gaji bulanan (kasar) tertakluk kepada mana yang lebih tinggi.

7. Arahan yang sama turut mengambil kira pemantauan ke atas Pendapatan Dan Perbelanjaan Enam (6) Bulan yang mesti difailkan oleh bankrap pada setiap enam (6) bulan. Bagi mematuhi arahan tersebut cawangan telah mengambil tindakan seperti yang berikut :

7.1 Memastikan pemeriksaan yang terperinci dilakukan oleh pegawai ke atas pendapatan dan perbelanjaan enam (6) bulan yang dikemukakan oleh bankrap. Penyata yang tidak disokong oleh dokumen-dokumen yang berkaitan atau yang diragui hendaklah ditolak oleh cawangan dengan memberi suatu tempoh masa untuk bankrap mengemukakan penyata yang baru; dan

7.2 Memastikan jumlah baki dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan enam (6) bulan diserahkan oleh bankrap untuk dimasukkan dalam estet kebangkrutan seperti yang ditetapkan dalam seksyen 38(1)(b) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

8. Selanjutnya, perkara ini juga telah dibangkitkan semasa Mesyuarat Pengarah Insolvensi Negeri Bil. 1/2024 agar arahan tersebut ditambahbaik dan penetapan bayaran ansuran bulanan dibuat bersesuaian dengan pendapatan bankrap dan keperluan pentadbiran kes kebangkrutan bankrap.

9. Oleh itu, dalam arahan yang baharu ini penetapan bayaran ansuran bulanan hendaklah mengambilkira pemeriksaan ke atas penyata pendapatan dan perbelanjaan enam (6) bulan yang difailkan oleh bankrap pada setiap enam (6) bulan bagi memastikan penetapan kadar bayaran bulanan adalah tepat :

9.1 Mengesan sekiranya terdapat perubahan gaji / pendapatan bankrap sama ada semakin bertambah atau berkurang;

9.2 Mengesan pendapatan dan perbelanjaan sebenar bankrap pada setiap bulan; dan

9.3 Mengesan sekiranya bankrap mempunyai pendapatan lain seperti hasil sewaan rumah, sumbangan pasangan / anak-anak, menerima bantuan zakat dan sebagainya.

10. Memandangkan terdapat perubahan tempoh kebangkrapan yang lebih pendek, landskap pentadbiran perlu diperkemas agar satu proses pentadbiran yang lebih efisien dan sistematik dapat dilaksanakan.

11. Justeru itu, jumlah minimum kadar bayaran ansuran bulanan ditetapkan sebanyak RM200.00 sebulan atau kadar peratusan ialah 20% daripada pendapatan/gaji kasar, mengikut mana yang lebih tinggi atas alasan seperti berikut :

- (a) tempoh pentadbiran kes semakin pendek sebagaimana peruntukan di bawah seksyen 33A dan seksyen 33c Akta 360;
- (b) penyeragaman jumlah gaji minima oleh dasar kerajaan;
- (c) gaya hidup bankrap; dan
- (d) kadar penetapan sedia ada telah lapuk.

12. Pegawai meja hendaklah mendapatkan kelulusan dari Ketua Unit atau mana-mana Pegawai Insolvensi Kanan sebagai pengesahan penetapan jumlah bayaran ansuran bulanan.

13. Bagi bankrap yang tidak mempunyai slip gaji hendaklah tanpa gagal mengemukakan surat akuan bersumpah (**Lampiran A**) menyatakan jumlah pendapatan bulanan yang diperolehi oleh mereka. Penetapan bayaran ansuran bulanan hendaklah dibuat dengan berdasarkan pendapatan yang dinyatakan dan disahkan dalam surat akuan bersumpah dan Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Enam (6) Bulan.

14. Pemantauan bayaran ansuran bulanan ini hendaklah dibuat bagi memastikan bayaran adalah kemaskini dan teratur.

PEMBATALAN

15. Oleh yang demikian, Arahan Jabatan (Kebankrapan) Bil. 4/2011 Pemantauan Ke Atas Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Enam (6) Bulan Dan Penetapan Jumlah Ansuran Bulanan adalah dibatalkan.

KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.


(DATO ISHAK BIN BAKRI) ✓

Ketua Pengarah Insolvency
Jabatan Insolvency Malaysia

Tarikh: 26 September 2025

LAMPIRAN A

SURAT AKUAN

Saya,

(Nama);

No. Kad Pengenalan :..... yang beralamat

.....

.....

Dengan ini sesungguhnya dan sebenarnya menyatakan bahawa jumlah pendapatan kasar/gaji bulanan saya ialah sebanyak RM.....sahaja dan saya tidak mempunyai sebarang pendapatan sampingan yang lain.

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diikrarkan dengan sesungguhnya

Oleh:

No. K/P:

Di :

Pada :

DI HADAPAN SAYA

.....

PESURUHJAYA SUMPAH